



كِرَاءَانِ نَغَرِي كَدَاهِ دَارُ الْاَمَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mel : pkpk@kedah.gov.my



Ruj. Kami : P.Kw.N(K)0223/B.06/2026 Jld. 2 (45)

Tarikh : 17 Syawal 1447H

16 April 2026

**Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri/
Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**

Yang Berhormat Dato' Seri/Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato' Paduka/Yang Amat Arif Dato'/Yang Berbahagia Dato' Paduka /Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN KAWALAN PERBELANJAAN DAN LANGKAH PENJIMATAN
PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI BERIKUTAN KETIDAKTENTUAN
EKONOMI GLOBAL**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan perkembangan krisis Asia Barat serta ketegangan perang yang menyebabkan ketidaktentuan ekonomi global dan kenaikan kos bahan api yang sekaligus memberikan kesan langsung kepada peningkatan perbelanjaan kerajaan.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan kedudukan fiskal Kerajaan Negeri kekal kukuh dan stabil, semua jabatan dan agensi negeri hendaklah melaksanakan langkah-langkah kawalan perbelanjaan dengan mengamalkan perbelanjaan secara berhemah, berdisiplin dan berkesan. Sebagai langkah kawalan, Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan langkah-langkah kawalan perbelanjaan seperti berikut ;

3.1 Perbelanjaan Operasi

3.1.1 Pegawai Pengawal hendaklah menguatkuasa peraturan kawalan dalaman bagi mengurangkan perbelanjaan utiliti seperti elektrik, air dan bahan habis pakai.

3.1.2 Mengamalkan penggunaan sumber secara optimum dengan meminimumkan cetakan dokumen dan mencetak dokumen secara dua muka (muka depan dan belakang) bagi menjimatkan kertas.

Ruj. Kami : P.Kw.N(K)0223/B.06/2026 Jld. 2 (45)
Tarikh : 16 April 2026

- 3.1.3 Mengoptimumkan penggunaan emel rasmi jabatan dan dokumentasi secara digital.
- 3.1.4 Menangguh atau menilai semula semua perbelanjaan tidak kritikal dan tidak mendesak.
- 3.1.5 Digalakkan penganjuran mesyuarat secara atas talian bagi mesyuarat yang melibatkan pelbagai jabatan dan daerah.

3.2 Penggunaan Kenderaan dan Bahan Api

- 3.2.1 Pegawai Pengawal hendaklah membuat kawalan pergerakan kenderaan jabatan bagi mengurangkan penggunaan bahan api.
- 3.2.2 Penggunaan kenderaan berenjin petrol berbanding diesel adalah digalakkan.
- 3.2.3 Perkongsian kenderaan hendaklah dilaksanakan sepenuhnya terutama melibatkan perjalanan ke destinasi sama.
- 3.2.4 Enjin kenderaan hendaklah dimatikan sekiranya tempoh menunggu adalah lama.

3.3 Tuntutan Perjalanan dan Kerja Lebih Masa

- 3.3.1 Mengehendkan perjalanan rasmi dalam dan luar negeri kepada yang benar-benar perlu sahaja.
- 3.3.2 Memperketatkan kawalan dalaman bagi urusan kerja lebih masa.
- 3.3.3 Mengutamakan penggunaan platform dalam talian bagi menggantikan pertemuan fizikal.

3.4 Program/Kursus/Seminar/Aktiviti/Keraian/Majlis

- 3.4.1 Menangguhkan program/kursus/seminar/aktiviti/keraian/majlis yang tidak kritikal.
- 3.4.2 Menggabungkan program yang mempunyai objektif yang sama bagi mengurangkan kos untuk program yang tidak dapat dielakkan.

Ruj. Kami : P.Kw.N(K)0223/B.06/2026 Jld. 2 (45)

Tarikh : 16 April 2026

- 3.4.3 Menyemak semula keperluan program, kursus, seminar dan majlis yang perlu dianjurkan dengan kos paling menjimatkan dan mengutamakan penganjuran di premis kerajaan.
- 3.4.4 Mengamalkan konsep sederhana dalam penganjuran majlis.
- 3.4.5 Program lawatan kerja/persidangan/kursus di luar negara tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
- 3.4.6 Kelulusan terdahulu bagi unjuran program/kursus/seminar/aktiviti/keraian/majlis yang telah diluluskan oleh pentadbiran ini hendaklah disusun semula mengikut keutamaan dan disemak semula kos pelaksanaannya.

3.5 Perolehan Jabatan dan Pengurusan Kontrak Perkhidmatan

- 3.5.1 Memastikan proses perolehan dibuat secara telus dan kompetitif untuk mendapatkan nilai terbaik dan paling menguntungkan kerajaan.
- 3.5.2 Menangguhkan pembelian aset yang tidak mendesak.
- 3.5.3 Memastikan kontrak perkhidmatan baharu yang hendak dibuat dikaji dari segi nilai kos dan kesan jangka panjang.
- 3.5.4 Mengurangkan penggunaan perkhidmatan luar (outsourcing) jika boleh dilaksanakan secara dalaman.
- 3.5.5 Mengutamakan pembelian berdasarkan keperluan sebenar (need-based) dan bukan kehendak.

3.6 Pengambilan Kakitangan

- 3.6.1 Pengisian perjawatan berwaran adalah tertakluk kepada dasar pengisian perjawatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri melibatkan pengisian kekosongan disebabkan persaraan, meninggal dunia, kenaikan pangkat dan perletakan jawatan sahaja.
- 3.6.2 Pengambilan kakitangan kontrak tidak berwaran *Contract Of Service (COS)*, *Contract For Service (CFS)* dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) adalah tidak dibenarkan.

Ruj. Kami : P.Kw.N(K)0223/B.06/2026 Jld. 2 (45)
Tarikh : 16 April 2026

3.7 Pemantauan dan Pelaporan

3.7.1 Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan pemantauan berkala terhadap perbelanjaan jabatan selaras dengan peraturan yang telah digariskan di dalam Arahan Perbendaharaan.

4. **Tiada peruntukan tambahan akan diberikan untuk tahun 2026**, sehubungan itu Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan adalah diingatkan untuk memastikan peruntukan Bajet 2026 yang telah diluluskan dikawal perbelanjaannya bagi memastikan peruntukan adalah mencukupi sehingga akhir tahun.

5. Arahan kawalan ini berkuatkuasa mulai **16 April 2026 (Khamis)**. Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri hendaklah memastikan segala langkah kawalan yang dinyatakan di dalam arahan kawalan ini dipatuhi sepenuhnya demi untuk menjamin kestabilan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah.

6. Arahan kawalan ini turut dipanjangkan kepada semua Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri untuk diterima pakai.

7. Berkaitan arahan ini, sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai di Unit Belanjawan, Puan Amal binti Zubir di talian 04-702 7723 atau Encik Muhammad Alif bin Ismail di talian 04-702 7728.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”

“THE GREATER KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. NADZMAN BIN MUSTAFFA, DSDK., SDK., AMK., BCK.)

Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

Tel : 04-7027723/7027728

Emel : pkpk_belanjawan@kedah.gov.my

s.k Tuan Bendahari Negeri Kedah Darul Aman